

KRISIS AIR DI LEMBAH KLANG

Bekalan air hadapi fasa kritikal

» Krisis runcing jika purata permintaan lebih kadar 2.5 peratus

Oleh Syed Azwan Syed Ali dan Lum Chee Hong
bhnews@baharion.com.my

► Kuala Lumpur

Situasi bekalan air Lembah Klang akan memasuki fasa kritikal, sekiranya purata permintaan air di kawasan terbabit melebihi paras 2.5 peratus.

Kelompok pertama yang akan menerima kesan negatif daripada situasi itu ialah pengguna domestik yang mewakili 66 hingga 67 peratus penggunaan air terawak.

Ketika ini, statistik Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menunjukkan purata permintaan air bagi tempoh 17 Mei hingga 21 Jun lalu adalah 4,329 Juta Liter Sehari (JLH), berbanding tempoh 1 Januari hingga 16 Mei hanya 4,228 JLH, iaitu peningkatan 100.32 JLH atau 2.37 peratus.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakan, tidak menolok kemungkinan krisis air di Lembah Klang merebak

lebih cepat ke ibu negara dan Putrajaya berdasarkan peningkatan purata permintaan air di kawasan itu.

Katanya, keadaan itu akan diburukkan lagi dengan keadaan cuaca panas yang menyebabkan penggunaan air meningkat di kalangan pengguna domestik dan industri.

"Sekiranya, purata permintaan melebihi paras 2.5 peratus keadaan akan menjadi kritikal. Kesannya akan memberi impak besar kepada pengguna domestik yang mewakili dua pertiga penggunaan air dengan impak sekunder kepada pihak industri.

"Pihak industri yang banyak menggunakan air, misalnya, hotel dan restoran tidak mampu beroperasi secara optimum," katanya kepada BH di sini, semalam.

Permintaan air meningkat
Beliau mengulas laporan akhbar ini semalam, mengenai krisis air di Lembah Klang yang melanda Selangor dijangka merebak ke ibu negara dan Putrajaya tidak lama lagi berdasarkan situasi terkini permintaan air yang melebihi kapasiti bekalan sedia ada.

Setakat ini, 47 lokasi di Klang, Petaling dan Hulu Langat mengalami penyusutan paras air di kolam simpanan utama akibat peningkatan mendadak penggunaan sejak 17 Mei lalu.

Menurut statistik SYABAS,



FAKTA NOMBOR

47 lokasi

di Klang, Petaling dan Hulu Langat mengalami penyusutan paras air di kolam simpanan utama

permintaan air sepanjang lima minggu ini meningkat drastik berbanding purata pengeluaran pada 2011 iaitu 4,142.71 JLH dengan peningkatan 186.48 JLH atau 4.5 peratus.

Kesan peningkatan permintaan yang melebihi pengeluaran menyebabkan semua Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa beroperasi pada tahap maksimum melepasi kadar ditetapkan bagi memenuhi permintaan kian meningkat.

Keadaan menjadi lebih kritikal jika berlaku masalah seperti loji rawatan air berhenti operasi, kemerosotan kualiti

air mentah sungai dan penyelenggaraan loji.

Piarapakan berkata, krisis bekalan air itu bergantung kepada zon terbabit yang mana kawasan kepadatan tinggi dan industri terjejas lebih cepat berbanding kawasan lain.

"Dalam konteks negeri maju seperti Selangor, perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Penyelesaian terbaik ialah kerajaan negeri perlu mengikuti WSIA (Akta Industri Perkhidmatan Air) dan menyegerakan penstrukturan semula industri air, termasuk melaksanakan projek loji rawatan air Langkat 2," katanya.

Selangor diminta ambil tindakan segera

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor diminta mengambil tindakan segera untuk mengatasi krisis air di Lembah Klang sebelum ia merebak ke ibu negara dan Putrajaya.

Ia termasuk melaksanakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 untuk menyalurkan air mentah dari Pahang ke Selangor.

Peniaga, Elman Maran, 49, berkata, kerajaan Selangor perlu berbuat demikian memandangkan sumber air adalah paling penting dalam kehidupan seharian, berbanding keperluan asas lain seperti bekalan elektrik.

"Kegagalan mereka mena-

“*Sekiranya, purata permintaan melebihi paras 2.5 peratus keadaan akan menjadi kritikal. Kesannya akan memberi impak besar kepada pengguna domestik*”

S Piarapakan,
Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER)

ngani krisis air di kawasan ini dibimbangi akan menjayakan aktiviti harian penduduk, termasuk pihak industri dan peniaga.

"Jadi, saya berharap kerajaan Selangor dapat mengekalkan fahaman politik dan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat menyelesaikan isu ini demi rakyat," katanya ketika ditemui BH di sini, semalam.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Chia, 65, berkata dia percaya kerajaan Selangor sukar untuk menyelesaikan krisis itu berikutan pembangunan pesat di Lembah Klang.

"Malah, krisis ini turut di-

burukkan dengan pertambahan penduduk di sini, selain pemusnahan kawasan tadahan air hujan sebelum ini," katanya.

Pekerja am, G Suppiah, 64, berkata kerajaan Selangor perlu memandang serius krisis itu dan mengemukakan pelan kecemasan untuk menyelesaikannya.

"Selain itu, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) juga perlu mengambil langkah efektif untuk membaiki paip bocor di merata tempat bagi mengelakkan pembaziran berlaku, sekali gus membantu mengurangkan kapasiti bekalan," katanya.